


Jilid I
Bil. 19



Hari Isnin
20hb Disember, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1319]

**PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-
PERTUA:**

Mengalu²kan Ahli² Baru [Ruangan 1319]

Memperkenankan Rang Undang² [Ruangan 1319]

Perutusan daripada Dewan Ra'ayat [Ruangan
1321]

Urusan Meshuarat [Ruangan 1322]

Kebenaran Berchuti—Y.B. Tan Sri Ong Yoke
Lin [Ruangan 1322]

USUL²:

Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan
daripada Peratoran Meshuarat [Ruangan 1323]

USUL²:—(*samb.*)

Penanggohan Meshuarat [Ruangan 1351]

Uchapan Penanggohan (Memajukan Kawasan²
Luar Bandar) [Ruangan 1351]

JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN
[Ruangan 1322]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Bandaraya Kuala Lumpur
[Ruangan 1323]

Rang Undang² Kumpulanwang Disatukan (Per-
belanjaan Masok Akaun) [Ruangan 1346]

Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1970
dan 1971) [Ruangan 1347]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Isnin, 20hb Disember, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Di-lantek).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Di-lantek).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Di-lantek).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' JOSEPH AUGUSTINE ANGIAN ANDULAG, P.D.K. (Sabah).
- „ DATO' DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATO' J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., J.M.N., S.P.M.P., J.P., Dato' Kurnia Indera (Di-lantek).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ DATO' FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Di-lantek).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Di-lantek).
- „ DATO' NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, J.M.N., D.J.M.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Di-lantek).
- „ TUAN LEE LOY SENG (Di-lantek).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

- Yang Berhormat TUAN G. LOUIS (Di-lantek).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ DATO' MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ AWANG DAUD MATUSIN (Di-lantek).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Di-lantek).
- „ DATO' NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Dato' Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Di-lantek).
- „ TAN SRI T. H. TAN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN TING MING HOI (Sarawak).
- „ DATO' S. O. K. UBAlDULLA, D.P.M.S., J.M.N., (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN WONG SWEE SOON, A.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Di-lantek).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Di-lantek).
- „ DATO' ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Di-lantek).
- „ DATO' TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATO' E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Di-lantek).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Tanah, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli² Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah saperti yang di-sebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' J. E. S. Crawford
 Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali
 Tan Sri T. H. Tan
 Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie
 Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof
 Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya
 Yahya bin Haji Ahmad
 Abdul Rahim bin Haji Abdul Manan
 Dato' Mansor bin Mohamad
 Oh Siew Aun
 Haji Ali bin Haji Ismail
 Wong Seng Chow
 Lee Loy Seng
 Haji Abu Bakar bin Hamzah
 Dr Lim Ah Sitt
 Thomas Kana
 Ting Ming Hoi
 Ismail bin Sheik Ibrahim.

PEMASHHORAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU²KAN AHLI² BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya mengalu²kan kedatangan Ahli² baru dalam Dewan ini dan kepada Ahli² lama yang di-lantek atau di-pilih sa-mula, saya ucapkan sa-tinggi² tahniah atas lantekan/pilehan mereka dan berharap semoga semua Ahli² baik yang baru mahu pun yang lama supaya memberikan kerjasama mereka bagi kebaikan Dewan ini dan Negara sa-terus-nya.

MEMPERKENANKAN RANG UNDANG²

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, ada-lah di-ma'alumkan ia-itu RANG Undang² yang berikut ini telah di-perkenan-

kan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

- (1) Rang Undang² Kerantina dan Menche-gah Penyakit (Pindaan).
- (2) Rang Undang² Perubatan.
- (3) Rang Undang² Pergigian.
- (4) Rang Undang² Pembasmi Malaria.
- (5) Rang Undang² Hospital Persendirian.
- (6) Rang Undang² Obat (Iklan dan Pen-jualan) (Pindaan).
- (7) Rang Undang² Bank Negara Malaysia (Pindaan).
- (8) Rang Undang² Bank Negara Malaysia (Pindaan) (No. 2).
- (9) Rang Undang² Pinjaman (Stok Pe-nimbal Timah Antarabangsa).
- (10) Rang Undang² Chukai Pendapatan (Pindaan) (No. 2).
- (11) Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan).
- (12) Rang Undang² Chukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) (No. 2).
- (13) Rang Undang² (Pindaan) (No. 2) Eksais.
- (14) Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1970).
- (15) Rang Undang² Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan).
- (16) Rang Undang² Perjanjian Bretton Woods (Pindaan).
- (17) Rang Undang² Kewangan (Pindaan).
- (18) Rang Undang² Kewangan (Duti Harta Pesaka).
- (19) Rang Undang² Kumpulanwang Sim-panan Pekerja (Pindaan).
- (20) Rang Undang² Kumpulanwang Pin-jaman Perumahan.
- (21) Rang Undang² Persatuan Nelayan.
- (22) Rang Undang² Lembaga Kemajuan Ikan, Malaysia.
- (23) Rang Undang² Perikanan (Pindaan).
- (24) Rang Undang² Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan).
- (25) Rang Undang² Persatuan Peladang (Pindaan).
- (26) Rang Undang² Menche-gah Rasuah (Pindaan).
- (27) Rang Undang² Senjatapi (Penalti Lebeh Berat).

- (28) Rang Undang² (Perbadanan) Synod Diocese, Malaysia Barat.
- (29) Rang Undang² Perwarisan (Peruntukan Keluarga).
- (30) Rang Undang² Lembaga Padi dan Beras Negara.
- (31) Rang Undang² Saraan Hakim.
- (32) Rang Undang² (Pindaan) Odit.
- (33) Rang Undang² (Pindaan) Mahkamah Keadilan.
- (34) Rang Undang² Perhubungan Perusahaan (Pindaan).
- (35) Rang Undang² Kerja (Pindaan).
- (36) Rang Undang² Kesatuan Sekerja (Pindaan).
- (37) Rang Undang² (Perbadanan) Instituti Negara bagi Penyelidikan Sains dan Perusahaan.
- (38) Rang Undang² Arkib Negara (Pindaan).
- (39) Rang Undang² Kawalan Sewa (Pindaan).
- (40) Rang Undang² Paspot (Pindaan).
- (41) Rang Undang² Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan).
- (42) Rang Undang² Imigeresen (Pindaan).
- (43) Rang Undang² Perbadanan Pembangunan Bandar.
- (44) Rang Undang² Galakan Pelaburan (Pindaan).
- (45) Rang Undang² Timbang dan Sukat Meter.
- (46) Rang Undang² Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan).
- (47) Rang Undang² Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2).
- (48) Rang Undang² Kemajuan Tanah (Pindaan).
- (49) Rang Undang² (Memperbadankan) (Pindaan) Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara.
- (50) Rang Undang² Surohanjaya Pelabohan, Pulau Pinang (Pindaan).
- (51) Rang Undang² Lalu-Lintas Jalan (Pindaan) (No. 2).
- (52) Rang Undang² Lembaga Pelabohan (Pindaan).

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RA'AYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan

daripada Dewan Ra'ayat. Sekarang saya persilakan Setiausaha Dewan Negara membachakan Perutusan itu.

(Setiausaha membachakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Dewan Ra'ayat telah meluluskan Rang Undang² yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukan-nya:

- (1) Rang Undang² Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masok Akaun).
- (2) Rang Undang² Bandaraya Kuala Lumpur.
- (3) Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1970 dan 1971).

Tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN RA'AYAT”.

URUSAN MESHUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Rang Undang² yang berikut ini bagi bachean kali yang kedua dan ketiga-nya dalam Persidangan Dewan sekarang.

Rang Undang² itu ada-lah seperti berikut:

- (1) Rang Undang² Bandaraya Kuala Lumpur;
- (2) Rang Undang² Kumpulanwang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 1972; dan
- (3) Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1970 dan 1971).

KEBENARAN BERCHUTI—

Y.B. TAN SRI ONG YOKE LIN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, ada-lah saya memberitahu Dewan ini ia-itu mengikut kuasa² yang telah di-berikan kepada saya, saya telah membenarkan Yang Berhormat Tan Sri Ong Yoke Lin, atas permintaan-nya sendiri, berchuti panjang daripada menghadiri Meshuarat Dewan Negara.

JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN

PEMEGANG² IJAZAH TIDAK DI-AKUI BERKHIDMAT DENGAN KERAJAAN

1. Tuan Wong Seng Chow bertanya kepada Perdana Menteri memandang kepada kepentingan-nya Rancangan Malaysia Kedua dan keperluan-nya mengambil orang² yang

berkelayakan untuk menjayakan-nya, sama ada beliau berchadangan hendak menerima pemegang² ijazah yang kelayakan²-nya tidak di-akuī oleh Kerajaan pada masa ini untuk berkhidmat.

Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Dato' Yang di-Pertua, sa-bagai dasar umum-nya, Kerajaan tidak berchadang hendak menerima pemegang² ijazah yang kelayakan²-nya tidak di-akuī oleh Kerajaan pada masa ini untuk berkhidmat.

USUL

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntokan² Peratoran Meshuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara hendak-lah bersidang daripada pukul 2.30 petang hingga pukul 6.30 petang (atau pukul 7.00 petang pada apa² hari jika ada di-keluarkan usul hendak menanggohkan meshuarat menurut Peratoran Meshuarat 16) sa-panjang tempoh Meshuarat Ketiga ini.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun peruntokan² Peratoran Meshuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara hendak-lah bersidang daripada pukul 2.30 petang hingga pukul 6.30 petang (atau pukul 7.00 petang pada apa² hari jika ada di-keluarkan usul hendak menanggohkan meshuarat menurut Peratoran Meshuarat 16) sa-panjang tempoh Meshuarat Ketiga ini.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-

chadangkan ia-itu suatu Akta bagi membuat peruntokan berkenaan dengan perubahan gelaran dan perkara² lain yang berbangkit dari penganugerahan taraf Bandaraya kepada Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-maalomkan bahawa Juma'ah Menteri dalam bulan April tahun ini telah melantek sa-buah Jawatan-kuasa yang terdiri daripada pegawai² dari Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, dan Kementerian saya untuk mengkaji chadangan menaikkan taraf Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur kepada taraf Bandaraya dari segi undang² dan istiadat. Dalam bulan Julai (tahun ini) Juma'ah Menteri telah menimbangkan laporan Jawatan-kuasa tersebut dan telah bersetuju dengan perakuan² yang di-kemukakan dalam laporan itu yang antara lain memperakukan bahawa penganugerahan taraf Bandaraya kepada Ibu Kota Kuala Lumpur ada-lah perkara yang termasuk di-bawah Keutamaan Di-Raja (Royal Prerogative) dan perkara itu hendak-lah di-sembahkan ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk di-perkenankan, dan tarikh penganugerahan itu ia-lah pada 1hb Februari, 1972. Di-samping itu pindaan yang sesuai hendak-lah di-buat kepada undang² yang ada sekarang berkenaan dengan Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur untuk membuat peruntokan berkenaan dengan perubahan gelaran dan perkara² lain yang berbangkit dari penganugerahan taraf Bandaraya itu.

Kini perkara penganugerahan taraf Bandaraya kepada Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur itu telah pun di-sembahkan ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan di-perkenankan oleh Seri Paduka Baginda. Dengan kerana itu Rang Undang² ini adalah di-bawa ka-Dewan ini untuk di-luluskan supaya dapat di-kuat-kuasakan mulai daripada 1hb Februari, 1972.

Sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam tajok-nya, tujuan Rang Undang² ini ia-lah bagi membuat peruntokan berkenaan dengan perubahan gelaran dan perkara² lain yang berbangkit dari penganugerahan taraf Bandaraya itu, ia-itu apabila "Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur" menjadi Bandaraya sebutan mengenai Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur akan di-ubah kepada

“Bandaraya Kuala Lumpur” atau “the City of Kuala Lumpur”, dan sebutan “Pejabat Perbandaran” atau “Pejabat Pesuruhjaya” akan di-ubah kepada “Dewan Bandaraya” atau “the City Hall”, dan sebutan “Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur” akan di-ubah kepada “Dato Bandar Kuala Lumpur” atau “the Commissioner of the City of Kuala Lumpur”. Pindaan² kepada gelaran ini adalah di-terangkan sa-penoh-nya di-Fasal 4 dalam Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bacaan kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ada dua tiga perkara untuk perhatian berkenaan dengan menaikkan taraf Ibu Kota Kuala Lumpur kepada taraf bandaraya, ia-itu Kuala Lumpur ia-lah ibu negara atau pun capital dan ia-nya mempunyai kedudukan yang istimewa tidak sama dengan bandaraya biasa yang lain walau pun dengan bandaraya yang sudah ada seperti Pulau Pinang. Apabila kita berusaha untuk menaikkan Kuala Lumpur sa-bagai bandaraya, sa-bagai city, maka dia mempunyai dua sifat yang pertama city (bandaraya), yang kedua di-samping itu juga dia menjadi Ibu Kota bagi negara kita. Menaikkan satu² bandar biasa kepada bandaraya ada-lah satu perkara biasa bagi negara² yang sedang membangun apa-tah lagi bagi Malaysia yang mempunyai hasrat yang begitu tinggi. Tetapi ada dua tiga perkara, Tuan Yang di-Pertua, mungkin kerana saya baharu di-dalam Dewan ini saya tidak membacha laporan² yang lengkap, tetapi saya tidak dapati penjur² atau angle² yang support, yang menyokong memperelokkan Kuala Lumpur sa-bagai Bandaraya. Apa-tah lagi sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa Kuala Lumpur ini ada kaitan-nya dengan prerogative power ia-itu kedudukan Sultan atau pun kedudukan Yang di-Pertuan Agong. Prerogative power ini, Tuan Yang di-Pertua, menjadi satu masaalah dan kita di-dalam Dewan ini menjadi satu masaalah dan kedudukan kita hanya hendak membetulkan apa yang di-buat oleh Dewan Ra’ayat dan saya tidak fikir kita mempunyai begitu tenaga, atau pun kekuatan untuk menolak, atau pun untuk meminda. Sa-jauh yang saya

ingat hanya sa-kali sahaja Dewan ini yang menghantar balek Bil itu ia-itu di-ketika hendak menaikkan elauⁿ Dewan Ra’ayat meminta untuk Dewan Ra’ayat sahaja, Dewan Senate tidak ada, maka Dewan Senate ini menggunakan kuasa sa-olah² kuasa veto menghantar balek ka-sana, dan ini, Tuan Yang di-Pertua, mengingatkan kita juga berkenaan dengan merangka Undang² Bandaraya.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua

Dato’ Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Kalau Yang Berhormat bagi saya jalan. Saya suka hendak tegor sedikit. Kita tidak pernah hantar balek Bil kepada Dewan Ra’ayat berkenaan dengan tuntutan elauⁿ Dewan Negara, pada ingatan saya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, boleh juga saya silap sama ada di-hantar balek, atau pun tidak, tetapi Rang Undang² itu di-bahathkan sa-kali dan di-hantar balek ka-sana. Jadi dari segi technicality itu saya tidak ingat, nyata-lah benda itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah kita tinggalkan itu, kembali kepada pendapat saya berkenaan dengan Ibu Kota ini ia-itu yang saya bacha laporan² yang sudah—pengalaman saya dalam Dewan Ra’ayat, ia-itu kita tidak begitu menumpukan kepada sifat² atau pun characteristic bagi satu² city terutama dalam segi perparitan atau pun drainage dan lagi satu sanitation—kasihatan dan lagi satu akhlak² masharakat kita atau pun social interaction di-dalam satu² bandar yang kita hendak kemukakan sa-bagai Bandaraya. Mithal-nya di-dalam Kuala Lumpur ini dapat perkara² yang tidak patut terdapat dalam bandaraya² yang besar, ia-itu penyakit kelakuan sodomy pun ada berlaku dalam bandaraya ini, ia-itu penyakit jiwa dan banyak-lah lagi kerja² yang kita dapati berlawanan dengan akhlak. Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya men-chadangkan atau pun mengeshorkan kepada pehak Kerajaan supaya Rang Undang² ini di-rojokkan kepada satu Select Committee, atau pun kita katakan kepada satu scrutiny Committee untuk menghalusi. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dalam beberapa minit ini kita tentu-lah tidak dapat hendak menjalankan pemereksaan yang lebeh jauh. Saya perchaya Yang Berhormat Peguam Negara akan bersetuju dengan saya, ia-itu kita telah banyak memberi kuasa kepada

Jabatan², atau pun Kementerian² untuk membuat Undang² rendah atau pun delegated instrument terlampau banyak, mithal-nya dalam meshuarat ini saya dapat tahu 35 Undang² perintah yang di-buat oleh Kementerian ia-itu berkenaan dengan Kastam yang kita luluskan dan tidak ada control atas Bil itu oleh Parlimen ini.

Jadi, di-mana² pun saya rasa kita adakan satu committee sa-macam ini mengawal Subsidiary legislation atau pun delegated instrument supaya dapat kita memerhati dengan dalam dan di-England di-buat bagitu, dan di-Malaysia ini yang ajaib-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-England sendiri pun kalau statute bagitu tidak lebeh daripada 60-70 sa-tahun yang kita sa-kali meshuarat sahaja 35 statute, jadi erti-nya Dewan Negara kita ini akan di-pandang sa-bagai rubber stamp sahaja apa yang di-lakukan oleh Dewan Ra'ayat, kita langsung tidak tumpang menolong negara kita dalam memperbaiki.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak saya sendiri saya tidak berfikir sahabat² kita dalam Dewan ini tidak mahu Kuala Lumpur itu menjadi Bandaraya. Tetapi characteristic atau sifat²-nya patut ada di-dalam Kuala Lumpur yang akan menjadi taraf Bandaraya itu hendak-lah di-fikirkan dan chara yang di-fikirkan itu tidak boleh di-dapati dalam Dewan ini melainkan di-rujok kepada satu Special Committee atau pun Scrutiny Committee dan ini saya perchaya-lah Yang Berhormat Peguam Negara kita akan memberi perhatian yang baik.

Yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah-nya ia-lah Kuala Lumpur ini belum ada sifat²-nya yang chukup untuk jadi sa-buah bandaraya yang kita kehendaki pada zaman ini. Mungkin kita memikirkan oleh kerana Pulau Pinang sudah jadi bandaraya, penduduk kita di-sini pun sudah banyak kita pun hendakkan jadi bandaraya. Kalau dengan jadi bandaraya itu barangkali banyak keistemewaan yang kita dapat peruntokan kepada Kuala Lumpur ini, tetapi kalau design dia tidak di-buat dahulu, saya perchaya bukan sahaja bandar, itu tidak terator, tetapi tempat²-nya itu pun akan tumbuh dengan chara yang tidak tersusun. Kita perhati-lah bandaraya pada zaman sekarang ini kebanyakan-nya di-buat chontoh lebeh dahulu daripada membiarkan

pekan itu tumbuh. Dan Kuala Lumpur ini akan menjadi bandaraya yang tumbuh sendiri bukan yang di-design dengan kehendak oleh negara kita sendiri.

Ini-lah sahaja perhatian yang dapat saya kemukakan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini ia-itu untuk menaikkan taraf Municipal Kuala Lumpur menjadi Bandaraya Kuala Lumpur.

Saya ta' bersetuju sa-bagaimana chadangan Yang Berhormat Ahli kita yang baharu tadi ini, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar ia-itu dia kata perkara ini patut-lah di-bawa lagi kepada committee untuk kita mengambil persetujuan. Mengapa kita mesti rujok kepada committee? Kalau ada di-antara tuan² yang ta' bersetuju, kata ta' bersetuju. Kalau ada benda yang hendak bichara, hendak di-persetujui apa hendak committee lagi? Memadaī-lah dengan yang ini. Ini bukan perkara rubber stamp. Saya perchaya kita semua bersetuju hendak menjadikan Municipal Kuala Lumpur ini jadi city, kerana apa di-dalam Malaysia ini, Kuala Lumpur ia-lah pusat negara kita tetapi bukan lagi city. Sayang sa-ribu kali sayang Pulau Pinang itu yang bukan pusat sudah jadi city. Jadi orang Pulau Pinang kadang² dia kata dia datang ka-Kuala Lumpur datang ka-ulu. Jadi mereka lebeh daripada orang sini. Jadi dengan sebab itu, saya menyokong penoh dan patut sangat-lah kita jadikan Kuala Lumpur ini bandaraya, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu perkara, saya fikir jikalau kita boleh ubah satu benda, maka lagi bagus, kerana sa-tahu saya yang di-katakan city di-dunia ini ia-lah sa-buah bandar yang besar, yang mengandongi tidak kurang daripada satu juta orang. Tetapi dukachita-nya city kita ini, kalau di-kira jumlah penduduk-nya ada-lah kechil, sebab orang² kita yang tinggal di-dalam Kuala Lumpur ini tidak sampai satu juta orang, maka dengan kerana itu saya minta-lah kepada Menteri yang berkenaan, yang sa-elok²-nya patut-lah di-masokkan Petaling Jaya dan di-chantumkan di-dalam Kuala Lumpur ini, dan di-jadikan city. Jadi bukan-lah di-biarkan Petaling Jaya bagitu sahaja. Petaling Jaya hendak-lah di-masok dan di-chantumkan dengan Kuala Lumpur dan kita akan jadikan Kuala Lumpur City. Jadi dengan chara² itu bukan sahaja kawasan itu di-perluas, bahkan penduduk²-nya pun

akan bertambah banyak sedikit, barangkali boleh dapat satu juta orang.

Itu-lah shor saya. Saya memberitahu ini kerana saya nampak itu-lah yang sa-habis² elok-nya bagi menchantumkan kedua² Petaling Jaya ini dengan Kuala Lumpur menjadikan city dan juga sedikit masa lagi di-perluas kawasan Kuala Lumpur supaya dapat di-lebarkan dan apabila kawasan dapat di-perluaskan, penduduk-nya pun akan bertambah, Sekian.

Dato' Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Dato' Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan dengan penterjemahan perkataan² yang ada di-dalam Bil ini ia-itu umpama-nya di-katakan di-sini gelaran Dato' Bandar itu ia-lah di-gelarkan Dato' Bandar Kuala Lumpur tetapi dimasukkan atau "the Commissioner of the City of Kuala Lumpur". Jadi kalau kata "the Commissioner of the City of Kuala Lumpur" sudah tidak payah Dato' Bandar lagi. Saya rasa, Dato' Bandar itu, kalau kita ertikan dalam bahasa Inggeris tentu-lah Lord Mayor, tetapi Commissioner ini kalau di-terjemahkan kepada bahasa Malaysia kita ia-lah Pesuruhjaya. Ma'ana perkataan Pesuruhjaya itu tidak boleh lari daripada Commissioner yang ada pada hari ini.

Jadi terjemahan ini, saya rasa ada sedikit membawa kepada kekeliruan. Kemudian satu lagi tentang terjemahan²-nya. Saya rasa kalau sudah kita susah hendak chari perkataan yang baik, ta' usah terjemahkan terus. Kalau kita hendak kata Dato' Bandar, Dato' Bandar. Siapa hendak chakap dalam bahasa Inggeris pun bila datang kepada perkataan Dato' Bandar, sebut Dato' Bandar. Macham di-katakan di-sini, City Hall—Dewan Bandaraya. Apa sebab kita maseh terjemahkan kepada City Hall. Ta' payah lagi City Hall—Dewan Bandaraya. Kalau kita hendak buat jemputan di-mana², kena-lah hadir di-Dewan Bandaraya. Orang China, orang India, orang Inggeris, orang apa bangsa pun, nama itu senang di-sebut. Sama-lah juga dengan nama orang, Yusof—ta' ada Joseph atau pun Yusof di-terjemahkan jadi Joseph. Ta' kena saya rasa terjemahan yang sa-umpama itu. Jadi, saya rasa kalau Bil ini kita luluskan, elok-lah Menteri yang berkenaan itu bawa sa-kali lagi pindaan, ta' payah kita tolak balek lagi, bawa pindaan di-Dewan Ra'ayat supaya terjemahan² ini di-hapuskan dan nama² ini ditetapkan dengan nama Malaysia, bahawa

Malaysia dan ta' payah di-terjemahkan lagi, sebab kalau kita terjemahkan pun menimbulkan keraguan dan boleh jadi dengan terjemahan ini pegawai² yang anti bahasa Malaysia ini akan menyalah-gunakan terjemahan itu. Mereka akan gunakan bahasa Inggeris itu lebeh banyak daripada bahasa Malaysia yang ada dalam Undang² ini. Ini patut. Kita takut di-salah-gunakan apa yang ada di-dalam Undang² ini. Jadi kalau kita hapuskan terjemahan ini di-jadikan bahasa Malaysia terus tidak siapa pun yang boleh mengelirukan dalam pelaksanaan Undang² ini. Itu sahaja pandangan saya kepada Undang² ini.

Sa-lain daripada itu, saya ada-lah menyokong kuat supaya bandaraya ini di-segerakan sa-bagaimana yang di-chadangkan oleh Menteri itu. Kalau sa-kira-nya Ahli Pembangkang hendak merujuk kepada sa-buah committee, berma'ana-nya dia ta' bersetuju di-adakan bandaraya yang akan kita mulakan pada bulan Februari 1972 ini. Dia hendak tanggoh, dan hendak melambatkan. Ini ada-lah satu kaedah hendak merosakkan program kita, hendak menjadikan bandaraya ini pada bulan Februari tahun 1972. Sekian sahaja. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Dalam ucapan saya itu, tidak ada yang saya bingkang dan ta' patut-lah apa yang di-chakapkan oleh parti Pembangkang ini semua-nya hendak merosakkan. Apa yang saya katakan ia-lah tradition bagi satu² Dewan terutama Upper House yang samacham ini, apabila banyak sangat undang² yang di-kemukakan terutama Statute dan Legislation, kita kemukakan kepada satu Select Committee atau pun Scrutiny (Disiplinary) Committee. Bukan berma'ana itu membangkang, itu biasa di-buat dan saya tidak fikir kita boleh pinda di-sini, dengan tidak di-rujukkan kepada Dewan Ra'ayat lelebih dahulu. Saya baharu jadi Ahli di-sini. Saya tidak tahu, dan saya fikir Dewan ini tidak boleh buat, kalau tidak di-pinda di-sana dahulu.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul ini supaya bandar Kuala Lumpur ini di-jadikan bandaraya. Saya sa-orang daripada penduduk Kuala Lumpur, saya sangat berpuas hati berkenaan dengan kebersehan² yang ada di-Kuala Lumpur pada masa ini. Saya juga baharu² ini pergi ka-Pulau Pinang.

Jikalau Pulau Pinang boleh mendapat taraf bandaraya, mengapa Kuala Lumpur tidak dapat di-jadikan bandaraya. Jadi saya sangat²-lah bersetuju atas perkara ini supaya Kuala Lumpur ini di-jadikan bandaraya, tetapi jikalau dapat saya suka-lah juga, di-lebarkan lagi bagaimana yang di-katakan oleh saudara saya tadi, Enche' Samad Osman, supaya Petaling Jaya itu di-masokkan dalam kawasan Bandaraya Kuala Lumpur dan dengan itu kawasan-nya akan lebeh besar lagi. Jadi saya sangat²-lah bersetuju supaya Kuala Lumpur ini di-jadikan bandaraya, tetapi saya tidak bersetuju di-rujokkan balek kapada satu Jawatan-kuasa, sebab perkara ini sudah di-kaji, sudah Surohanjaya yang telah begitu lama mengkaji hal ini, kemudian baharu di-bawa ka-Dewan Ra'ayat dan kita akan luluskan pada hari ini dan Yang di-Pertuan Agong kita sendiri sudah bersetuju memperkenankan Kuala Lumpur ini jadikan bandaraya. Itu-lah sahaja dan saya menyokong Rang Undang² ini.

Tuan Haji Mohd. Sa'aid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul yang di-bawa ini berkenaan dengan menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur pada 1hb Februari, 1972 ia-itu pada tahun depan.

Kalau di-perhatikan keadaan bandar Kuala Lumpur ini seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi, sangat berseh, tetapi kita mesti kaji kawasan Bandaraya ini, ia-itu seperti di-Sentul Pasar. Kalau Ahli² Yang Berhormat pergi ka-Jalan Sentul Pasar sana, boleh-lah kita lihat beberapa banyak orang² berniaga di-sana yang tidak ada mempunyai kebenaran daripada Kerajaan dan juga kebersehan-nya. Ini patut-lah kita ambil perhatian berat ia-itu di-adakan satu tempat yang tertentu kapada mereka² yang menjaja di-Sentul Pasar itu sa-belum 1hb Februari pada tahun depan. Terima kaseh.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sa-penoh²-nya berkenaan dengan Rang Undang² Kuala Lumpur akan di-naikkan taraf-nya menjadi bandaraya. Saya sa-orang ra'ayat Malaysia sangat-lah gembira mendengar khabar mengenai Kuala Lumpur akan menjadi Bandaraya. Saya sungguh pun tidak tinggal di-Kuala Lumpur, tetapi di-Ipoh. Jadi, kita telah di-ma'alomkan bahawa bandar Pulau Pinang telah menjadi Bandaraya, Kuala Lumpur sampai sekarang maseh

belum lagi menjadi Bandaraya. Saya fikir masa yang sa-patut-nya menjadi Bandaraya telah lambat sa-puluh tahun. Patut sa-puluh tahun dahulu Kuala Lumpur telah di-jadikan Bandaraya. Yang di-katakan tadi oleh Ahli² Yang Berhormat ada chadangan berkenaan dengan membentok satu Jawatan-kuasa untok mengkaji, saya tidak setuju. Saya setuju rakan saya ia-itu patut-lah Petaling Jaya masok juga dalam Kuala Lumpur menjadi Bandaraya. Kerana selalu di-katakan oleh orang ramai Petaling Jaya ia-lah Kuala Lumpur kedua. Jadi, ada-kah Kuala Lumpur menjadi Nombor satu dan Nombor dua? Saya menchadangkan Petaling Jaya juga masok Kuala Lumpur menjadi Bandaraya pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada-kah Ahli Yang Berhormat itu menchadangkan supaya Petaling Jaya menjadi satu Bandaraya lain?

Tuan Yeap Kheng Yam: Bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Atau masok ka-Kuala Lumpur?

Tuan Yeap Kheng Yam: Masok ka-Kuala Lumpur menjadi Bandaraya.

Tuan Wong Seng Chow: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, it gives me great pleasure to support the Bill which is before this House as, though I am now resident in Seremban, I was born in Kuala Lumpur.

However, Sir, before the passing of this Bill, it perturbs me to read in the newspapers the rather exorbitant amount which they intend to spend on the celebration of this occasion. While it is to be noted that such an occasion should be celebrated, I think we could put the money to better use, Sir, in that there are two rivers in Kuala Lumpur of which, whether we are Kuala Lumpurians or outsiders, we are not very proud of.

Secondly, Sir, arising out of the floods on the last occasion—at the beginning of this year—there are, Sir, a lot of people who were not adequately compensated for their sufferings and on this occasion, Sir, I think we should use the money to that effect. Or, in the alternative, Sir, perhaps, we could establish a Hawkers' Lane in Kuala Lumpur because there are a lot of educated people, whether they are educated in English, Malay or Tamil, they are educated, and

today they are out of jobs. It would, Sir, be a very pleasant memory on the occasion of attaining City status if, Sir, we have such a Hawkers' Lane established in Kuala Lumpur for the unemployed.

I fully support, Sir, the appointment, as stated in the Bill, by the Government of the Dato' Bandar, Kuala Lumpur, as this is a developing country and this form of democracy is more suited to our country. However, Sir, I would urge the Government to consider that in the appointment of the Dato' Bandar of Kuala Lumpur the appointment should be based solely on the integrity and ability of the person. I am not casting any aspersion on the present holder of office but I request, Sir, that such an appointment should be based on these two factors alone and not on any other considerations. To end, Sir, once again I say that I support this Bill. Thank you.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk ikut berchakap sa-patah dua dalam perkara Rang Undang² ini. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² ini yang telah mendapat sokongan daripada sa-bahagian besar Ahli² yang telah berchakap merupakan Rang Undang² untuk menjadikan Ibu Negara Malaysia pada taraf Bandaraya.

Soal sa-buah kepala negara, Ibu Negara menjadi atau mendapat taraf sa-bagai Bandaraya itu tidak-lah menjadi satu soalan yang patut di-perdebatkan. Memang sa-wajar-nya Ibu Kota atau Ibu Negara mendapat tempat sa-bagai City atau pun Bandaraya, tetapi masaalah di-hadapan kita sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Rang Undang² ini. Rang Undang² ini pada fahaman saya tidak menunjukkan segala bentok² dan segala asas² bagi menjadikan Kota Kuala Lumpur kapada sa-buah Bandaraya, kechuali hanya satu pertukaran nama daripada Municipality yang ada sekarang ini, Surohanjaya yang ada sekarang ini kapada perkataan Bandaraya.

Jadi, perbuatan ini sa-mata² di-buat dengan kerana ada sa-suatu tujuan Kerajaan, hendak tunjukkan sadikit kapada orang ramai yang datang dan dengan chara yang tergesa² Kuala Lumpur mesti-lah di-jadikan dan di-shitiharkan sa-chepat mungkin sa-bagai Bandaraya. Tidak ada siapa yang akan menghalang dan tidak ada siapa yang akan membangkang Kuala Lumpur menjadi

Bandaraya dan memang patut Kuala Lumpur menjadi Bandaraya, tetapi soal-nya satu Rang Undang² yang di-kemukakan di-dalam Parlimen sa-patut-nya mempunyai kelengkapan yang chukop, membutirkan segala kehendak² bagi melayakkan Kuala Lumpur sa-bagai Ibu Negara. Kita ketahu² kedudukan negara kita dengan bentok Persekutuan, segala hak² negeri ujud dan di-aku² dalam Perlembagaan dan bandar Kuala Lumpur pun juga sa-bahagian daripada Negeri Selangor dan kemudian kalau kita berchakap tentang memasokkan Petaling Jaya ka-dalam bandar Kuala Lumpur ia juga sa-bahagian daripada Negeri Selangor. Semua-nya ada persoalan² dari segi Undang² Perlembagaan itu sendiri.

Dengan kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-kemukakan oleh sahabat saya tadi supaya Rang Undang² ini di-rujok kapada sa-buah Committee ada-lah sangat menasabah, satu amalan yang menasabah yang biasa di-amalkan oleh negeri² yang maju. Kita sa-buah negeri yang maju patut mengikut chontoh negeri² yang maju, supaya Rang Undang² ini di-lengkapi dan di-masokkan semua butir² yang mustahak. Kerana jumlah penduduk Kuala Lumpur sendiri pada adat-nya belum lagi sampai ka-peringkat untuk menjadi sa-buah Bandaraya. Faktor jumlah penduduk, kemahuan kita kuat hendak menjadikan Bandaraya, walau pun ada 10 orang kita boleh ishtiharkan Bandaraya, kerana kuasa di-tangan kita.

Soal yang penting-nya ia-lah mewujudkan keadaan² yang menasabah sesuai sa-bagai sa-buah City. Jadi kita mesti mengadakan langkah² di-dalam Rang Undang² ini.

Saya melihat beberapa buah bandaraya yang besar dalam dunia, ta' kelihatan sa-buah basikal pun mithal-nya di-dalam Bandaraya itu kerana terlampau menjaga kebersihan dan menjaga lalu-lintas. Motosikal pun ta' di-benarkan dalam bandaraya. Jadi kelihatan hanya motokar, ada keretapi bawah tanah dan sa-bagai-nya. Jadi kita lihat kebersihan dan peratoran yang chukup lengkap terator di-dalam sa-buah bandaraya.

Dalam Rang Undang² ini kita tidak memersoalkan hal ini, hanya mahu menukarkan nama. Oleh kerana langkah hanya mahu menukar nama semata²-lah maka menimbulkan apa yang telah di-timbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Nik Hassan tadi ia-itu tentang "Commissioner of the City of Kuala Lumpur" dengan "Dato' Bandar Kuala

Lumpur”, kerana Rang Undang² ini di-buat berdasarkan kepada undang² asal yang dahulu-nya kita panggil Pesuruhjaya Ibu Kota Kuala Lumpur. Jadi sekarang di-ubahkan sa-bagaimana dalam Rang Undang² ini. Dahulu-nya kita ada nama dalam bahasa Malaysia tidak ada dalam bahasa Inggeris. Sekarang di-ubah kepada Bahasa Malaysia dan dengan bahasa Inggeris juga. Kalau ini di-buat sa-suatu yang baharu bagi maksud menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya, di-buat-nya undang² ini, lengkap di-dalam bahasa Malaysia, hanya satu perkataan—satu perkataan erti-nya kita ta’ payah tukar pula dua perkataan-nya—erti-nya mungkin orang akan tukar Kuala Lumpur ini dengan bahasa Inggeris jadi Kuala itu “river mouth” dan Lumpur itu jadi “muddy”. Jadi sudah berkelamkabut nanti. Jadi kalau mahu di-jadikan Ibu Kota ini Bandaraya di-ujudkan satu Rang Undang² yang lengkap dan kita membahathkan perkara ini sa-baik²-nya baharu kita dapat menchapai kepada matlamat.

Rang Undang² ini hanya pertukaran nama. Dan saya rasa dari segi bahasa-nya juga kita sedang berusaha untuk menjadikan bahasa yang asal-nya bahasa Melayu, sekarang dinamakan bahasa Malaysia, sa-bagai satu bahasa yang di-hormati, sa-bagai satu bahasa yang di-dukong oleh beratus juta manusia, dan harus-lah di-charikan persamaan² bagi mewujudkan satu persamaan dan di-iktiraf atau di-kenali oleh dunia.

Di-Indonesia yang juga memakai bahasa Melayu, mereka tidak memakai “Dato Bandar” tetapi mereka memakai perkataan “Wali Kota”. Jadi kita juga bahasa Malaysia yang berasal dari bahasa Melayu, kita memakai perkataan Dato’ Bandar yang Dato’ Bandar itu di-terjemahkan kepada Commissioner of the City of Kuala Lumpur, sedangkan sa-harus-nya “Mayor”—erti-nya Mayor itu Dato’ Bandar-lah dalam istilah kita yang lama. Tetapi soal kita sekarang ini membaharuī, membuat sa-suatu yang baharu dalam zaman merdeka, saya rasa sa-patut-nya perkara ini di-rujukkan kepada sa-buah Committee yang menasabah untuk mengkaji sa-detail²-nya, yang di-buat perangkaan, planning, sempadan dan sa-bagai-nya baharu-lah di-kemukakan kembali kepada Dewan ini untuk di-sahkan. Sekian.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahathan sedikit sahaja. Saya menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang² ini, sebab Pulau Pinang yang

bagitu kechil pun dapat di-jadikan bandaraya, malahan Ibu Kota yang bagini besar. Bagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari parti PAS tadi ia-itu kalau sa-kira-nya bandaraya itu tidak ada lalu-lintas, kereta, atau basikal, motor, ini mustahil. Saya rasa Pulau Pinang juga sudah jadi city, banyak kereta, lori dan kereta lembu juga berjalan di-sana dan di-jadikan city tidak mengapa. Saya menyokong dengan sa-penoh²-nya, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap supaya di-chepatkan dan jangan lambat, dan kalau mungkin bulan Januari (1972) juga kita jalankan. Terima kasih.

Dato’ Dr Cheah Toon Lok: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, the Bill before this House is a very important Bill. It affects the lives of the people living in this great city. We have changed this Municipality of Kuala Lumpur into a City and the English word we have used for this “Dato’ Bandar” is “Commissioner”. In London, they call the man-in-charge of the city, or the Head of the city the “Lord Mayor”. So the translation of the word “Dato’ Bandar Kuala Lumpur” should be “The Lord Mayor of the City of Kuala Lumpur”.

As I have said before, it affects the lives of thousands of people in this town and I would like to know, if we change it into a city, would there be any planning afterwards, not before, as suggested by my Honourable friends from the parti PAS who suggested that we should have planning before. I suggest we have planning after we have made this city the Federal Capital and at the same time we can plan to have a bigger Town Hall—just like the Guild Hall in London—of which we could be proud, where all the ceremonies of this great city could be held. And also, I would like to know whether taxes would be raised for the shopkeepers or the hawkers living in this city, because I know that our Enactments—Town Council Enactments, Municipal Enactments and the rest—have not been changed for a long time, and there are cases in which a hawker has got to pay \$120.00 a year for having a stall inside a coffee-shop while the coffee-shop is being charged \$54.00 a year. So there should be alterations in the Rules and By-Laws which affect the livelihood of the people of this great city.

Sir, the flooding is a simple matter. It is not because Kuala Lumpur is a low-lying land. It is a high land, but the river is silted.

It is mere common sense to dredge the river deeper so that flood water could rush out; there should be some planning. At the same time the drains could be made bigger by alteration of the plans for drains in all our Municipal Enactments, Town Board and Council Enactments and the rest of it. The drains are too small and are not in keeping with the planning we have for all these great towns and great cities that are coming up in this country. I suggest that we have a look into the Enactments relating to the planning of any city or any town in Malaysia because flooding is a very simple question. It is a question of drainage—deep enough for the water to run out.

At the same time, I would like to see that the hawkers are properly treated in this city. I know that the Minister-in-charge has been looking into this matter; he has done a great deal and I would ask him to do more to see that there is proper planning for the livelihood of these people and at the same time to see that the shops are properly assessed so that they can make a living in this great city.

I wish to support this Bill strongly and I think that it is high time that the Federal Capital of Kuala Lumpur be made a city in consonance with the fact that we have a Parliament in this great city. Also, I beg the Minister-in-charge to ask for an allocation big enough to build a City Hall that will be appropriate to the name of the City of Kuala Lumpur. Thank you.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa juga bangun berchakap sa-patah dua sebab Peguam Negara telah di-sebut di-dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah dihadapan saya ini. Apa yang di-katakan-nya Peguam Negara bersetuju apa yang dia chakap itu, saya menerangkan di-Dewan ini saya tidak bersetuju (*Ketawa*).

Yang kedua, saya menerangkan di-sini tentang perubahan ini ia-lah menaikkan taraf sahaja kepada bandaraya. Pentadbiran dan segala²-nya mengikut Federal Act Tahun 1960 akan berjalan seperti biasa. Perubahannya nama-nya sahaja di-naikkan taraf kepada bandaraya, itu sebab-nya di-bawakan Undang² ini. Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nampak sebab²-nya, dengan sebab

memandang kepada sifat dan kelayakan sebab Kuala Lumpur ini belum chukup sifat, sa-orang Ahli mengatakan belum chukup layak menjadi bandaraya. Kalau hendak men-chari sifat² dan kelayakan sa-bagaimana yang di-sebutkan tadi, seperti basikal tidak boleh melalui di-sana; perkara² yang ma'siat tidak boleh di-adakan, dan bandar belum lagi sampai taraf-nya sampai sama macham Mekah atau Madinah maka baharu boleh di-katakan Bandaraya, susah kita hendak memikirkan. Sebab saya dengar satu per-kataan, malu saya hendak sebut di-sini yang di-sebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah. Tadi perkataan "Sodomy" saya dengar begitu bunyi kalau saya tidak salah, betul perkataan itu?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Sodomy!

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ah! Perkataan itu di-sebut; saya tidak pernah dengar itu berlaku di-Kuala Lumpur. Dan Ahli Yang Berhormat itu agak-nya ada mengamalkan di-sini saya tidak tahu-lah (*Ketawa*). Kata-nya perkara macham itu ada di-sini dan dari itu tidak boleh lagi sampai taraf Bandaraya. Saya menolak-lah tuduhan itu. Mana² negeri dalam dunia ini boleh kata ada-lah sa-banyak sedikit ma'siat, tetapi dengan sebab ada satu² ma'siat atau ke-dengaran macham itu belum sampai boleh di-gelarkan bandaraya, susah hendak menunggu-nya. Sampai kiamat dunia pun tidak dapat satu bandar yang bertaraf bandaraya. Itu saya chadangkan di-sini—pada Dewan ini tidak payah perkara yang hendak naikkan taraf perubahan ini kita hendak bawa kepada Select Committee, membuang masa sahaja.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil peluang menguchapkan ribuan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam berbahathan berkenaan dengan Rang Undang² ini. Jadi saya boleh-lah memberi jaminan kepada Ahli² Yang Berhormat apa² tegoran yang constructive akan di-ambil perhatian oleh Kementerian saya dan di-sampaikan kepada Yang Berbahagia Dato' Bandar apabila dia di-lantek.

Ahli² Yang Berhormat ada juga memberi perhatian dan tegoran tentang beberapa points, tentang itu saya mohon izin supaya saya dapat menjelaskan perkara² ini dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, as my learned colleague over there on the opposite side of the House has explained, this is a very simple Bill to raise status of the Municipality of Kuala Lumpur into that of a City and there is no change in the substance of the Act which governs the running of the Municipality, as such, but the change in the name requires certain consequential amendments to the Act and these are all stated in the Bill.

As one Honourable Member has pointed out, there seems to be some discrepancy in the translation of the term of "Dato Bandar". It is usual in a city to have a Lord Mayor, but there is an essential difference in that in the case of a city like London, you have an autonomous government elected by the people; then you have Councillors, Aldermen and all the rigmarole connected with a city. Kuala Lumpur is better compared with a city like Washington or Canberra, which is run by a Commission and which is a part of the Government. Because of that, it is run not by a Lord Mayor, but it is run by a Commissioner appointed by the Government—and therein lies the difference. We could not therefore call the head of the Administration of the City of Kuala Lumpur, when it is created, Mayor for the reason that he is still a Commissioner appointed under the Federal Capital Act; the City is run by a Commission and therefore he is still a Commissioner, except that he is a Commissioner of the City of Kuala Lumpur and no longer the Municipality of Kuala Lumpur—hence the difference.

One Honourable Member referred to the exorbitant expenditure which is envisaged for celebration on this occasion. Now, I am sure all of us are proud of our Capital City; I am sure all of us are aware that there will be celebrations not only for the Capital City, but in connection with the Conference of PATA. We are going to get a lot of guests from all over the world coming to our Federal Capital City on that occasion. Now, if we are going to raise the status of our Federal Capital into that of a City, I think it is only right that we should celebrate it on a scale in keeping with our prestige and dignity. I do not think that the amount which has been voted for is exorbitant. I can assure Honourable Members that as the Minister responsible I look after the expenditure of the Federal Capital very carefully and ensure that there is no waste and that all the money is put to

good use. If we spend \$250,000 on this occasion, I think we will get immense returns from the many visitors who are coming to visit our city on this occasion, and I consider it is money well spent. It is true that we have a lot of things to take care of.

One Member mentioned floods and the fact that there is a good deal we can do to improve the standard of living of the citizens of Kuala Lumpur and that we need to do a good deal for those who are trying to earn a living as petty traders or hawkers as they are popularly known. This is being looked into and I am sure, as one Honourable Member pointed out, a good deal has been done. But we are not yet satisfied with what has been done and we are trying to do much more. However, we cannot do everything all at once.

The suggestion for a City Hall is being looked into. Plans are now, in fact, on the drawing board for such a building. But there are certain things which have got to be resolved before we can proceed with this plan.

The other thing is that there is also a good deal of matters which we have to settle. Several Members suggested that the City limit should be extended to include Petaling Jaya. I thank them for their suggestion, but this is a matter which we cannot, as the City Administration, carry out unilaterally. This is a matter for negotiations with the State Government of Selangor. I do not think I am letting out any secret by saying that this matter is still under consideration and under negotiation, but I cannot at this stage say whether or not this is possible. We hope that it would be possible to rationalise the boundary of the City, so that it would enable administration to be carried out more efficiently. That is the main criterion. But we should not try and bite off more than we can chew: we should be able to consider whether or not we can service the area which will be brought in and also that, whatever the boundary may be, it could be efficiently administered—that is the main thing.

Sir, I think those are all the points which have been raised. I thank Honourable Members for their support and with that, Sir, I beg to move that this Bill be read a second time.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawa-tan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 hingga 5—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-dalam Clause 2 barisan yang terakhir sa-kali ia-itu perkataan “atau”. Saya lebeh suka di-potong perkataan “atau” ini kemudian di-datangkan koma di-tambah sebutan dan di-dalam bahasa Inggeris inverted comma sa-mula, the City of Kuala Lumpur.

Sebab-nya, Tuan Pengerusi, kerana per-kataan “atau” ini boleh di-gunakan yang ini atau pun yang ini, sama boleh di-guna-kan. Sedangkan perkataan the City of Kuala Lumpur itu bahasa Inggeris bukan bahasa Malaysia. Kalau kita rasa hendak memakai bahasa Inggeris atau pun kita rasa Rang Undang² ini tidak akan valid atau pun tidak boleh di-enforce melainkan dengan bahasa Inggeris, buat sahaja Rang Undang² dalam bahasa Inggeris tetapi mengapa di-masok-kan kedua² itu—bagi orang PAS tidak haram bagi membacha bahasa Inggeris itu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-dalam Clause 4 ia-itu (b) “Dewan Bandaraya” atau “the City Hall”, ini juga di-buat sa-bagaimana yang di-buat tadi ia-itu koma dan dalam bahasa Inggeris-nya inverted comma the City Hall. Ada pun Clause (d) amat-lah susah kita hendak menggunakan perkataan “atau” di-barisan yang ketiga ia-itu sa-lepas “Dato’ Bandar Kuala Lumpur” atau “the Commissioner of the City of Kuala Lumpur”, sedangkan Dato’ Bandar ini Mayor perkataan Inggeris-nya, dan kalau kita pakai atau maka akan dudok-lah perkataan Commissioner ini di-tempat Dato’ Bandar itu—itu berlawanan bahasa-nya. Saya faham, Tuan Pengerusi, bahawa Kerajaan boleh buat kalau dia ada sweeping majority bagini, tetapi legislation yang kita hendak buat ini jangan-lah sampai berla-wanan dengan logik dan reason, kita boleh

tidak limited power kita, apa boleh buat, tetapi jangan-lah berlawanan dengan logik dan reason. Ini logik pun tidak terima, reason pun tidak terima ia-itu

Dato’ Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Pengerusi, saya minta jalan sadikit untok hendak bertanya.

Kalau taroh comma di-situ, buang “atau” taroh “comma”, jadi berma’ana, fasal Ahli Yang Berhormat yang berchakap ini ahli pengarang yang saya tahu, sa-orang ahli pengarang yang tahu bahasa Melayu dengan baik. Jadi kalau taroh “comma” buang per-kataan “atau”, taroh comma kemudian masokkan bahasa Inggeris di-situ bagaimana pula jadi-nya Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu “atau” itu champor adokkan di-jadikan satu ayat yang boleh di-pakai kedua² sa-kali. Jadi saya rasa tidak membawa ma’ana langsung kepada ayat yang ada dalam Undang² ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak, Tuan Pengerusi, dia sudah memegang tong-kat tidak kepada ulu-nya (*Ketawa*), ia-itu yang saya maksudkan ini lepas comma kita sebutkan dalam perkataan Melayu dan dalam bahasa Inggeris baharu kita buboh “inverted comma” balek bukan kita potong langsung perkataan di-situ, kita gantikan dan dalam bahasa Inggeris menggantikan atau kemudian inverted comma sebab ter-kadang perkataan the City of Kuala Lumpur itu berguna kepada dunia luar, itu maksud saya bukan kita hendak potong begitu sahaja.

Kemudian, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan “the Commissioner of the City of Kuala Lumpur” mengambil tempat Dato’ Bandar. Ini terjemahan pun tidak betul, mengambil tempat pun tidak betul, atau pun hendak di-pandang dari segi legislation sahaja sa-bagaimana yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri itu, itu nomencla-ture boleh buat apa², kalau begitu letak ini dari segi legal Dewan ini meluluskan, ini bukan chermin mata, ini senapang. Kita sudah buat mengikut legal term ini senapang. Boleh buat begitu, kita ada kuasa, tetapi saya bimbang takut orang ketawa dan kita kena expand lagi hospital kita yang ada Rang Undang² ini. Jadi saya lebeh suka, Tuan Pengerusi, kita gunakan dan di-dalam bahasa Inggeris inverted comma, itu saya boleh setuju, sama ada hendak di-gunakan the

Commissioner of the City of Kuala Lumpur-kah, atau the Mayor-kah, itu tidak apa. Ini, Tuan Pengerusi kalau kita hendak lari dari segi undang² oleh kerana Mayor itu di-pileh dan Commissioner itu di-lantek, tidak di-pileh, mengapa pula Dato' Bandar di-sini yang kita tahu Dato' Bandar itu di-pileh, mengapa kita tidak ubah di-situ, mengapa yang kita lari di-situ. Jadi ertinya nampak-lah kedua perkara, yang pertama oleh kerana Kerajaan berkuasa, maka dia hendak buat sahaja yang dia suka dia tidak betul logik dan reason dan yang kedua Bil ini tidak chermat. Itu-lah yang saya katakan, patut di-bawa balek kepada scrutiny committee tadi, tetapi sayangnya Peguam Negara tidak bersetuju dan mungkin tidak pernah akan bersetuju dengan saya dalam perkara ini walau pun dia tahu apa yang saya kata itu sesuai dengan logik dan reason dan walau pun dia sedar bahawa apa yang dia kata itu sa-balek-nya.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, tentang shor Ahli Yang Berhormat tadi, saya fikir saya pun bukan sa-orang loyar, barangkali Yang Berhormat Peguam Negara dapat menjawab atas perkara ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, Federal Capital Act ini, tahun 1960. Pada masa itu Undang² Bahasa Malaysia belum di-luluskan lagi, tahun 1967 baharu di-luluskan Undang² Bahasa Malaysia. Sa-belum tahun 1967, semua Undang² itu dalam bahasa Inggeris; ia-itu Undang² Federal Capital, 1960 ini maseh lagi dalam bahasa Inggeris. Dengan sebab Undang² asal belum ada dalam bahasa Kebangsaan, maka sebab itu-lah di-adakan, huruf "atau". Apakala di-terjemahkan di-buat kelak pada masa akan datang, satu Undang² Federal Capital Act, 1960 itu di-jadikan, di-terjemahkan kepada naskhah² baharu dan di-sahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menjadikan terjemahan itu Undang² tatkala itu ta' timbul lagi perkataan dalam bahasa Inggeris tadi; itu-lah sebab-nya. Kalau sa-kira-nya Undang² sa-lepas tahun 1967 yang mana ada Bahasa Kebangsaan dan juga bahasa Inggeris—dua² sah, itu tidak ada-lah huruf "atau". Ini-lah sebab-nya fasal Undang² ini di-buat, chuma yang ada sekarang dalam bahasa Inggeris sahaja sa-belum tahun 1967, Undang² lama. Kalau Undang² sa-lepas tahun 1967, semuanya dalam Bahasa Kebangsaan, sebab kita ada dua Undang². Apakala di-terjemahkan

akan datang dan saya boleh arahkan terjemahkan kepada Bahasa Kebangsaan, saya beri jaminan pada Dewan ini itu-lah "Bandaraya" sahaja di-gunakan tidak lagi perkataan Inggeris itu di-gunakan. Itu-lah yang dapat saya berikan jaminan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Dato' Pengerusi, lagi satu perkara saya rasa barangkali ada kekeliruan dari segi soal istilah "Lord Mayor". Sunggoh pun perkataan Inggeris "Lord Mayor" itu, ia-itu sa-orang pegawai yang di-pileh tetapi apabila di-terjemahkan kepada Dato' Bandar, ta' perlu di-pileh pula kerana Dato' Bandar zaman dahulu ta' ada di-pileh, di-lantek. Tetapi, jikalau betul² hendak membuat istilah itu di-terjemahkan direct daripada "Lord Mayor" itu kena perlu kita adakan Dato' Bandaraya—bukan Dato' Bandar. Itu rasa saya ada persamaan-nya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta penjelasan sadikit lagi. Apa yang berbangkit ini ia-lah kerana explanatory note ini yang sa-benar-nya it does not form part of the law. Jadi sebab itu-lah motif itu kita tidak faham. Kalau hendak pegang ini sahaja ta' boleh, sebab Yang Berhormat Menteri kita mengatakan kita tidak boleh pakai perkataan "Mayor" itu kerana di-lantek sedang Kepala State bagi Kuala Lumpur dahulu itu, ia-itu "Mayor-nya" di-pileh dan Head of Kuala Lumpur itu di-lantek dan Menteri ini pula beri jawapan berlainan. Jadi contradiction antara dua itu, itu yang saya kata tadi.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tidak ada contradiction, Dato' Pengerusi. Kalau sa-kira-nya kita hendak terjemahannya, Dato' Pengerusi, perkataan "Mayor" itu tadi tentu kita gelar Dato' Bandaraya. Kita sebut Dato' Bandar sahaja.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, walau bagaimana sa-kali pun kita tidak-lah hendak bertengkar panjang di-sini

Tuan Pengerusi: Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu tidak jelas lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak jelas, Tuan Pengerusi. Sebab ini, Tuan Pengerusi, saya mahu supaya perkataan ini di-buangkan. Ada pun kalau kita hendak jadikan alasan bahawa Rang Undang² ini sa-benar-nya sudah di-buat pada tahun 1960

dan tidak di-ubah lagi sedangkan kita sudah ada di-putuskan supaya di-buat Buku Statute Law atau pun qualification yang sudah begitu lama tidak di-buat—sudah 10 tahun, erti-nya kita tidak buat kerja, saya ta' menyalahkan Peguam Negara sebab Yang Berhormat pun baharu dalam hal ini memegang dalam jawatan-nya, tetapi ta' patut beliau membiarkan begitu sa-hingga 10 tahun. Kalau ini Peguam Negara bersetuju, saya chukup terang, Tuan Pengerusi.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya terangkan lagi, Tuan Pengerusi. Undang² ini tahun 1960, memang daripada masa kamasama ada Jabatan Terjemahan—enam orang bekerja sampai malam baharu balek, bukan sadikit, beribu² Undang² hendak di-terjemahkan kepada Bahasa Kebangsaan. Dalam masa itu juga, Tuan Pengerusi, Pegawai membuat pula Undang² baharu, tiap² satu term itu antara empat bulan 40 hingga 50 Undang² di-gubal. Hendak jadi expert, saya kata penterjemah itu bukan sahaja pandai dalam Bahasa Inggeris atau Melayu, bahkan pakar dalam Undang², pakar dalam bahasa, faseh dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris—mesti ada ketiga² perinsip ini. Bukan senang hendak terjemahkan Undang². Sebab itu orang² kita maseh belajar Bahasa Arab. Sudah beratus tahun sampai sekarang belajar Bahasa Arab lagi kerana terjemahan kitab² ugama pun belum habis lagi—susah (*Ketawa*). Perkara ini di-buat, bukan ta' di-buat tetapi payah—memang mengambil masa, saya berani chakap di-sini memang hendak di-buat, tetapi ta' ada masa. Tetapi apa kehendak Yang Berhormat memang sampai hajat-nya apakala kita terjemahkan Undang² ini kepada Bahasa Kebangsaan tidak lagi timbul perkataan Inggeris itu. Itu sahaja.

Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tiada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.45 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*).

RANG UNDANG² KUMPULAN WANG DI-SATUKAN (PERBELANJAAN MASOK AKAUN)

Bachaa Kali Yang Kedua

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan bahawa Rang Undang² yang bernama "Suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Di-Satukan untuk perkhidmatan bagi tahun yang berakhir pada tiga puluh satu haribulan Disember, 1972" di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini ia-lah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan Kerajaan bagi beberapa bulan permulaan tahun 1972 sahingga Rang Undang² Perbekalan, 1972 di-luluskan oleh kedua² Dewan dan mendapat Persetujuan Di-Raja pada tahun hadapan. Peratoran ini ada-lah mengikut Perkara 102 (a) Perlembagaan.

Rang Undang² ini ia-lah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang di-Satukan jumlah wang sa-banyak \$671,000,010 yang di-anggarkan mustahak bagi perkhidmatan Kerajaan untuk tempoh empat bulan yang pertama tahun 1972. Jadual kepada Rang Undang² ini menyediakan peruntokan² bagi perkhidmatan tertentu untuk masa itu yang tidak-lah termasuk Kepala Bekalan 59—Jabatan Talikom yang akan di-biaya² oleh sumber²-nya sendiri mengikut Bahagian IIA Akta Talikom, 1950. Perbelanjaan yang di-chadangkan dalam Rang Undang² ini tidak-lah termasuk perbelanjaan tanggungan yang sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alom, tidak-lah di-kehendaki untuk di-luluskan oleh Rang Undang² Perbekalan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat kepada Peratoran Majlis

Meshuarat 52 (3); perenggan yang kedua, yang berbunyi:

Di-sharatkan apabila di-bachakan kali yang kedua sa-suatu Rang Undang² (yang di-bawa ka-dalam Dewan Ra'ayat menurut perenggan (a) dalam Artikel 102 dalam Perlembagaan) bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sa-bahagian daripada satu² tahun perbahathan atas Rang Undang² ini tidak boleh termasuk perkara² dasar dan tadbir Kerajaan atau tujuan² perbelanjaan itu.

Ini berma'ana Ahli² Yang Berhormat jika hendak tahu hanya boleh bertanya kenapakah Rang Undang² ini di-bawa ka-dalam Majlis.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua.

Bachaa Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, masalah-nya sekarang ia-lah bahawa Rang Undang² ini, mengikut Peratoran Meshuarat 52 (3) di-bachakan terus pada bachaa kali yang ketiga.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1970 dan 1971)

Bachaa Kali Yang Kedua

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa "Rang Undang² bernama suatu Akta bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1970 dan 1971 dan bagi memperuntokkan wang itu bagi maksud² yang tertentu" di-bacha kali yang kedua.

Rang Undang² ini meminta kebenaran bagi dua Anggaran Tambahan yang berasing, satu bagi tahun 1970 dan yang satu lagi bagi tahun 1971. Bagi tahun 1970 ia-lah Tambahan Keempat dan bagi tahun 1971 ia-lah Tambahan Pertama.

Fasal 2 Rang Undang² ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak

\$2,532,380 bagi tahun 1970, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Pertama kepada Rang Undang² itu dan juga dalam bahagian perbelanjaan "bekalan" di-dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat, 1970, yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 39 tahun 1971. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat perhatikan daripada jumlah \$21,099,962 yang di-masokkan dalam tambahan ini, jumlah sa-banyak \$18,567,582 ada-lah di-perlukan untuk membiayai perkhidmatan² perbelanjaan "tanggungan" yang jumlah-nya tidak di-masokkan dalam Rang Undang² Perbekalan Tambahan ini. Butiran² bagi perbelanjaan "tanggungan" merupakan pembayaran ganjaran² dan penchen² dalam tahun 1970 yang di-sebabkan oleh bertambah-nya bilangan pegawai² yang berpenchen berikutan dengan perubahan umur penchen dari 60 kepada 55 tahun mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 tahun 1968.

Jumlah sa-banyak \$2,532,380 yang telah di-sebutkan dahulu ada-lah di-kehendaki bagi Kepala 21—Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Dari jumlah ini \$2,118,590 di-kehendaki untuk menambah peruntokan bagi membayar elauan belanja hidup atas penchen; dan \$413,790 untuk menambah belanja menukar wang Malaysia kepada sterling dan lain² mata wang asing kerana membayar faedah dan pokok di-atas pinjaman² luar negeri, dan kiriman² wang ka-luar negeri. Perbelanjaan lebeh ini berbangkit kerana perubahan kadar tukaran wang oleh sebab² pasaran mata wang.

Anggaran belanja mengurus yang asal telah di-luluskan bagi tahun 1970 berjumlah \$2,282.2 juta. Di-champor kedua²-nya ia-itu perbelanjaan² "bekalan" dan "tanggungan" dalam tiga tambahan yang lalu dan juga yang sekarang, jumlah yang di-peruntokkan bagi tahun 1970 menjadi \$2,385.2 juta. Akan tetapi jumlah sa-benar yang di-belanjakan ia-lah \$2,222.1 juta yang mana kurang sa-banyak \$60.1 juta dari Anggaran yang asal.

Fasal 3 Rang Undang² ini meminta kebenaran bagi perbelanjaan tambahan sa-banyak \$54,769,069 bagi perkhidmatan dalam tahun 1971, dan jumlah ini ada-lah di-tunjokkan dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang² tersebut dan juga di-butirkan di-dalam bahagian perbelanjaan bekalan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama, 1971, yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bil. 43 tahun 1971. Anggaran yang kedua

itu menunjukkan bahawa jumlah perbelanjaan tambahan yang di-kehendaki ia-lah \$54,819,629 yang mana \$50,560 ia-lah untuk perbelanjaan "tanggungan" dan \$4,769,069 bagi perbelanjaan "bekalan" dan ini termasuk jumlah sa-banyak \$26,379,340, yang telah di-dahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka bagi membiayai perbelanjaan yang segera.

Butiran² bagi perbelanjaan "tanggungan" yang berjumlah sa-banyak \$50,560 merupakan peruntukan gaji bagi Juru Odit Negara dan Ahli² Surohanjaya² Perkhidmatan yang di-terangkan dalam muka surat 3 dan 4 dalam Kertas Perintah Bil. 44 tahun 1971. Dalam bahagian "bekalan" kepada tambahan ini butiran perbelanjaan yang terbesar ia-lah mengenai Kepala Bekalan 31—Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang mana jumlah sa-banyak \$23 juta di-kehendaki untuk menambah peruntukan wang dalam Kira² Amanah Perniagaan Getah Kerajaan daripada \$7 juta kepada \$30 juta untuk membolehkan Kerajaan memainkan peranan yang lebeh besar dalam pasaran getah. Kepala Bekalan 34—Kementerian Kesihatan memerlukan peruntukan sa-banyak \$15 juta untuk membiayai bayaran tunggakan² gaji berikutan dengan pelaksanaan shor² Surohanjaya Gaji Suffian. Kepala Bekalan 63—Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am memerlukan peruntukan sa-banyak \$9 juta sa-bagai sumbangan Kerajaan kepada Tabong Bantuan Benchana Negara yang telah di-tubuhkan dalam bulan Januari, 1971 untuk memberi bantuan kepada ra'ayat yang telah menderita kerana banjir yang hebat yang telah berlaku di-seluruh negeri dalam bulan Januari, 1971. Kepala Bekalan 9—Jabatan Perkhidmatan Awam memerlukan tambahan sa-banyak \$1.7 juta bagi peruntukan "latehan dan kemahiran kerjaya" untuk menambah bilangan biasiswa² dan bantuan² latehan, terutama bagi kursus² pelajaran dalam bidang iktisad dan teknik untuk menampung kekurangan tenaga ra'ayat yang di-perlukan bagi Rancangan Malaysia Kedua. Di-bawah Kepala Bekalan 1—Parlimen, peruntukan sa-banyak \$1,107,500 ada-lah di-kehendaki, yang mana \$817,500 di-perlukan untuk membayar kenaikan elau² bulanan Ahli² Parlimen dan juga elau² yang di-bayar kepada Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat dan Timbalan-nya, Ketua dan Timbalan Ketua Dewan Ra'ayat berikutan dengan pindaan kepada Akta (Saraan Ahli²) Parlimen 1960 dan \$290,000 ada-lah di-

kehendaki untuk membiayai perbelanjaan² yang berkaitan dengan Persidangan Parlimen Commonwealth yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur dari 3hb hingga 8hb September, 1971. Kepala Bekalan 56—Kementerian Pengangkutan memerlukan tambahan sa-banyak \$907,699 yang mana \$802,515 daripadanya merupakan bayaran Malaysia kerana belanja mengurus Pusat Kawalan Kawasan Terafik Udara di-Singapura bagi tahun 1970 dan bayaran² yang belum di-jelaskan bagi tahun² 1968 dan 1969. Peruntukan sa-banyak \$54,184 ia-lah bayaran bagi tambang² kapal terbang, gaji² dan lain² perbelanjaan bagi dua orang pengajar yang dihantar oleh "Federal Aviation Agency" dari Amerika Sharikat bagi tempoh 2 bulan untuk melateh pemandu² kapal terbang Malaysia dan juruteknik² dalam kerja² menguji alat² pemanduan penerbangan. Kepala Bekalan 30—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan memerlukan tambahan sa-banyak \$750,000 bagi peruntukan perkhidmatan rahsia.

Butiran² lain dalam Tambahan ini ada-lah kechil jumlah-nya. Sebab² tambahan itu ada di-nyatakan dengan lebeh lanjut dalam Memorandum² Perbendaharaan yang meliputi kedua² Anggaran itu yang di-bentangkan sa-bagai Kertas² Perintah Bil. 40 dan 44 tahun 1971.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyong-kong.

Usul di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua.

Bachaaan Kali Yang Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, masalah-nya sekarang ia-lah bahawa Rang Undang² ini, mengikut Peratoran Meshuarat 53 (2) di-bachakan terus pada bachaaan kali yang ketiga.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

PENANGGOHAN MESHUARAT

Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat oleh Dewan ini hari ini mengenai waktu persidangan dan walau apa pun peruntukan dalam Peratoran Meshuarat 11 (1) Dewan ini hendak-lah di-tanggohkan sekarang hingga pukul 2.30 petang 7hb Februari, 1972.

Tan Sri T. H. Tan: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat oleh Dewan ini hari ini mengenai waktu persidangan dan walau apa pun peruntukan dalam Peratoran Meshuarat 11 (1) Dewan ini hendak-lah di-tanggohkan sekarang hingga pukul 2.30 petang 7hb Februari, 1972.

UCHAPAN PENANGGOHAN

MEMAJUKAN KAWASAN² LUAR BANDAR

Tuan Oh Siew Aun: Tuan Yang di-Pertua, buat permulaan, izinkan-lah saya menghulorkan tanda penghormatan saya kepada tuan. Saya perchaya, dengan pimpinan tuan, Dewan Negara ini akan terus memainkan bahagian-nya yang mustahak dalam perkembangan demokrasi di-tanah ayer kita.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja memberikan satu kehormatan yang besar dengan melantek saya menjadi sa-orang anggota Dewan ini, tetapi juga meletakkan ka-atas bahu saya suatu beban yang berat. Anggota² Yang Berhormat sedar, saya bukan-lah sa-orang sarjana atau sa-orang ahli ilmu pengetahuan, tetapi ada-lah sa-orang guru sekolah dari Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang. Tidak-lah perlu diterangkan ia-itu sumbangan saya untuk pertimbangan², rundingan² bagi Dewan yang mulia ini ada-lah dengan sangat rendah hati.

Sa-bagai sa-orang ra'ayat dari Daerah Luar Bandar, saya dengan sendiri-nva sangat tertarek hati kepada masalah² Ekonomi Luar Bandar. Tetapi saya mengaku bahawa ini-lah buah bichara yang saya sangat ma'alum.

Ra'ayat luar bandar ada-lah sedar akan Rancangan Lima Tahun bagi Pembangunan Luar Bandar. Biar-lah saya berkata, ia-itu ra'ayat Malaysia sangat sukachita yang masalah²-nya bagitu mendapat perhatian daripada Kerajaan dan tenaga² negara. Dalam tiap² negeri di-dunia ini, Ekonomi Daerah Luar Bandar ada-lah lemah dengan tidak berubah², tertekan dan di-lalaikan. Saya sukachita menyatakan, semasa Ekonomi Luar Bandar Malaysia ini lemah dan tertekan, mereka tidak di-alpakan.

Program Luar Bandar, jika di-laksanakan dengan betul, ia ini akan menambah pengeluaran, meninggikan pendapatan dan kemudahan² hidup moden. Dengan demikian, maka program ini akan memberi faedah yang besar kepada penduduk² Luar Bandar dan sa-wajar-nya ia-lah di-sambut baik.

Yang Berhormat Menteri² Kerajaan berulang-kali menyatakan, ia-itu kemiskinan di-luar bandar tidak-lah tertentu kepada sa-satu kaum dalam Malaysia. Ini-lah suatu pendirian di-rasa bersama oleh ra'ayat luar bandar. Dalam kehidupan mereka sa-hari², mereka lihat yang miskin dan yang kaya ada-lah datang dari semua kumoulan kaum di-Malaysia. Ra'ayat Malaysia yang miskin di-luar bandar bersimpati dengan kesanggupan satu sama lain dan mereka bersatu dalam menghapuskan kemiskinan mereka.

Lebeh jauh Yang Berhormat Menteri² menyatakan ia-itu bukan-lah polisi Kerajaan dalam melaksanakan Program Kemajuan Luar Bandar, membedza²kan warganegara yang miskin atas dasar kaum. Ini-lah suatu polisi yang menyenangkan. Harapan saya, dan saya perchaya, itu-lah harapan lain² orang Malaysia di-luar bandar, ia-itu Kerajaan bukan sahaja akan baik kepada semua kaum sa-waktu menjalankan Program Kemajuan Luar Bandar, tetapi akan nyata melakukan demikian.

Dalam menjalankan kemajuan luar bandar, tidak-lah akan ada pilihan kepada Kerajaan, tetapi akan mengambil langkah yang akan melibatkan kehidupan penduduk² luar bandar. Keluarga² akan kena pindah dan di-tempatkan di-tempat lain. Mata pencharian mereka juga akan berubah. Dengan ini mungkin mereka akan menolak perubahan ini dan ternampak seperti mereka tidak bersetuju dengan Program Kemajuan Luar Bandar.

Dalam pandangan saya, tidak-lah betul memandang penolakan ini sa-bagai keterangan yang keinginan penduduk² luar bandar tidak bekerjasama dengan Kerajaan. Ra'ayat luar bandar sama seperti ra'ayat bandar, berkehendakkan perubahan, tetapi mereka mesti-lah di-beri kepercayaan yang perubahan itu kepada kebaikan.

Dengan kerana itu, jika kelihatan mereka tidak bekerjasama, ini ada-lah kerana Kerajaan tidak memberi penerangan dengan sa-penoh-nya butir² dari segala Rancangan Kemajuan Luar Bandar kepada mereka yang berkenaan.

Pegawai² Penerangan Kerajaan dan Pegawai² Daerah serta anggota-nya mesti-lah bekerja kuat supaya ra'ayat luar bandar faham faedah² yang akan mereka dapati daripada Rancangan Kemajuan Luar Bandar itu.

Buat penutup, saya bersetuju Rancangan Kemajuan Luar Bandar Kerajaan. Saya mendesak Kerajaan bukan sahaja melaksanakan dengan adil, tetapi biar-lah itu menjadi kenyataan. Mungkin halangan² dari penduduk² luar bandar yang berkenaan, sama ada melemahkan atau menghilangkan sabar Kerajaan, ini sa-harus-nya menguatkan penentuan buat mereka faham dan menekmati faedah² dari Rancangan Kemajuan Luar Bandar tersebut. Terima kasih.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun yang telah berchakap kepada keseluruhan-nya menyokong dasar Kerajaan dalam Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Saya berharap bukan sahaja beliau, tetapi semua Ahli² Yang Berhormat, baik di-Dewan Ra'ayat, di-Dewan Negara, seluruh ra'ayat yang chintakan negara kita akan mempunyai perdirian yang seperti itu.

Saya nampak tidak ada apa yang saya hendak jawab, kerana beliau menyokong Kerajaan (*Ketawa*). Seruan beliau supaya ra'ayat memberi kerjasama, ini memang

ra'ayat di-luar bandar faham tujuan Kerajaan hendak membaiki nasib hidup mereka itu chuma-nya di-satengah² kalangan perubahan sikap itu datang-nya lambat sadikit, tetapi dengan ada-nya rancangan pembasmian buta huruf dan sa-bagai-nya ra'ayat telah sedar dan lebeh memberikan kerjasama untuk faedah mereka itu dan tentang tujuan Kerajaan hendak memajukan ra'ayat yang miskin di-luar bandar dan juga di-dalam bandar, memang telah di-ketahui oleh dunia, oleh ra'ayat negeri ini daripada mula² kemerdekaan di-chapai dahulu.

Dan kemudian hal itu telah di-tekanan lagi, dan di-jelaskan sa-mula di-dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua dan pada ekonomi baharu Kerajaan, dan nampak-nya semua ra'ayat menerima dan jika di-jalankan dengan sempurna, saya perchaya tujuan yang baik ini akan terchapai dan saya suka menegaskan lagi bahawa Kerajaan dalam melaksanakan rancangan-nya berpegang tegoh kepada semangat Rukunegara dan pada tujuan hendak melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu di-mana keadilan dapat di-rasaï oleh semua ra'ayat negeri ini tidak kira bangsa dan keturunan mereka sama ada duduk di-dalam bandar dan juga di-luar bandar.

Saya fikir tidak-lah mustahak bagi saya hendak berchakap panjang lebar, kerana perkara ini semua telah di-ketahui dengan jelas oleh ra'ayat di-kampong² dan mana yang belum jelas itu memang-lah kita hendak memberi penerangan yang jelas, saya berharap Senator dari Pulau Pinang ini pun akan dapat menolong Kerajaan memberi tahu kepada orang ramai berkenaan dengan perkara tersebut.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, meshuarat Dewan ini di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang, hari Isnin, 7hb Februari, 1972.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 5.25 petang.